



STANDARD HAK ASASI MANUSIA

Standard ini menggariskan dasar mengenai Hak Asasi Manusia dan komitmen kita untuk memastikan pekerja dan pihak berkepentingan kita dilayan dengan maruah dan rasa hormat. Standard ini berpandukan kepada prinsip hak asasi manusia antarabangsa yang ditemui dalam Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia, Prinsip-Prinsip Sukarela mengenai Keselamatan dan Hak Asasi Manusia dan Garis Panduan untuk Perusahaan Multinasional daripada Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

APAKAH itu Hak Asasi Manusia?

Hak asasi manusia ialah hak yang wujud kepada semua manusia, tanpa mengira jantina, bangsa, negara atau asal etnik atau kewarganegaraan pada masa ini, tempat tinggal, agama, bahasa, orientasi seksual, keupayaan fizikal, veteran atau apa-apa status yang lain.

SIAPAKAH yang mesti mengikut standard ini?

Semua orang di Weatherford – pengarah, pegawai dan pekerja – dan mana-mana pihak ketiga yang menjalankan perniagaan bagi pihak kita tanpa mengambil kira lokasi mereka.

MENGAPAKAH kita mempunyai standard ini?

Weatherford menuntut supaya hak asasi manusia dihormati di seluruh operasi kita, termasuk hak semua pekerja dan pihak berkepentingan luar yang berurusan dengan Weatherford untuk dilayan dengan maruah dan rasa hormat. Kegagalan untuk menghormati hak asasi pekerja dan pihak berkepentingan kita boleh mewujudkan persekitaran kerja atau sosial yang kurang menyenangkan serta membawa kepada moral yang rendah, pemberhentian pekerja, keterlibatan tenaga kerja yang kurang dan boleh menjejaskan hubungan baik pihak berkepentingan kita.

IKUT peraturan-peraturan ini.

1. Sentiasa menghormati hak asasi manusia.

Melayan semua orang dengan maruah dan rasa hormat tanpa pengecualian. Weatherford komited dalam menghormati, melindungi dan memenuhi hak asasi manusia dan kebebasan asas mereka yang bekerja dalam atau terjejas oleh perniagaan kita.

2. Jangan sekali-kali melakukan diskriminasi.

Jangan melakukan diskriminasi dalam apa jua bentuk, sama ada berdasarkan jantina, bangsa, negara atau asal etnik, tempat tinggal, agama, bahasa, orientasi seksual, keupayaan fizikal, veteran atau apa-apa status yang lain. Weatherford menuntut peluang persekitaran yang saksama untuk semua pekerja pada semua peringkat tanpa mengira jantina, bangsa, negara atau etnik asal, tempat tinggal, agama, bahasa, orientasi seksual, keupayaan fizikal, veteran, atau apa-apa status lain, kesatuan atau fahaman politik, atau mana-mana ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang berkaitan. Keputusan perekrutan, penempatan, saaraan dan kenaikan pangkat mesti berdasarkan pada kelayakan, pengalaman dan prestasi individu di samping memastikan kita meningkatkan kepelbagaian keseluruhan organisasi kita.

3. Jangan sekali-kali bertindak balas.

Jangan bertindak balas dalam apa jua cara terhadap sesiapa yang membuat laporan dengan niat yang baik kepada syarikat atau kepada pihak berkuasa awam yang kompeten berkenaan kebimbangan tentang ketidakpatuhan dasar dan prosedur syarikat atau undang-undang berkaitan atau mengenai kelakuan tidak beretika yang lain. Maksud tindakan balas termasuk tindakan pekerja yang tidak munasabah seperti penamatan, penurunan pangkat, pemindahan, pengasingan atau dinafikan peluang kenaikan pangkat atau kemajuan kerjaya.

4. Jangan sekali-kali menggaji buruh secara paksa, wajib atau buruh lain yang dilarang.

Jangan menggunakan perkhidmatan buruh paksa (kerja yang dilakukan tanpa kerelaan individu), buruh penjara, buruh indentur (seperti buruh yang digunakan sebagai pertukaran bagi menyelesaikan kewajipan undang-undang), atau buruh terikat yang dieksploitasi (seperti buruh yang digunakan sebagai pertukaran untuk pelepasan hutang). Melaksanakan pengawasan yang munasabah ke atas pihak ketiga yang melaksanakan permintaan Weatherford untuk memastikan mereka tidak menggunakan jenis buruh yang dilarang ini. Semua

kerja mesti disiapkan secara sukarela bermaksud pekerja bebas untuk berhenti, mogok, atau sebaliknya berhenti bekerja dengan cara yang selamat dan mematuhi undang-undang berkaitan.

- 5. Jangan sekali-kali menggaji buruh kanak-kanak yang sememangnya dilarang.**

Jangan menggunakan perkhidmatan buruh kanak-kanak yang bertentangan dengan undang-undang pekerjaan tempatan yang berkaitan. Mematuhi undang-undang tahap umur minimum tempatan. Melaksanakan pengawasan yang munasabah ke atas pihak ketiga yang melaksanakan permintaan Weatherford untuk memastikan mereka tidak menggunakan buruh kanak-kanak yang dilarang. Larangan ini tidak melarang latihan amali yang bermanfaat dan peluang pembelajaran yang serupa di tempat kerja untuk para pelajar.
- 6. Mengikut undang-undang tempatan mengenai pekerjaan, waktu kerja dan upah.**

Mematuhi semua waktu kerja mandat yang sah mengikut undang-undang tempatan atau perjanjian perundingan kolektif yang berkaitan. Kita mesti beroperasi dengan mematuhi sepenuhnya semua undang-undang yang berkaitan dengan upah, bayaran lebih masa dan manfaat yang dimandatkan secara sah dan dijamin oleh negara di tempat kita beroperasi. Sejauh mana ia boleh dipraktikkan, tujuan Weatherford adalah untuk menggaji pekerja tempatan dan memberi latihan dengan tujuan untuk menambah baik tahap kemahiran dengan berkerjasama dengan pekerja, wakil mereka, yang berkenaan, dan pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan.
- 7. Mengekalkan tempat kerja yang selamat, sihat dan patuh.**

Mengekalkan persekitaran kerja bebas daripada bahaya yang boleh menyebabkan kemalangan dan/atau kecederaan dan mematuhi undang-undang kesihatan dan keselamatan yang berkaitan.
- 8. Membenarkan kebebasan berserikat dan perundingan kolektif.**

Menghormati hak semua pekerja untuk bertindak secara bebas mengikut undang-undang buruh tempatan termasuk memilih untuk menyertai atau tidak menyertai kesatuan sekerja tanpa takut kepada tindakan balas, ugutan, atau gangguan. Weatherford menggalakkan perundingan dan kerjasama antara syarikat dan pekerjanya dan wakil mereka mengenai perkara yang mempunyai kepentingan bersama.
- 9. Berhenti melakukan kerja bila-bila masa diperlukan.**

Melaksanakan hak anda untuk berhenti melakukan kerja tanpa rasa takut terhadap tindakan balas apabila anda mengalami masalah dengan keadaan kesihatan dan keselamatan, atau keadaan yang melibatkan ketidakpatuhan dengan dasar, prosedur syarikat, atau undang-undang berkaitan yang berpotensi untuk berlaku.
- 10. Menghormati privasi.**

Menghormati hak untuk privasi pekerja, pelanggan dan pihak ketiga lain kita dan hanya mengumpul, menggunakan, mengekalkan, atau mendedahkan data peribadi apabila diperlukan untuk beroperasi secara berkesan dan mematuhi undang-undang. Weatherford mempunyai langkah-langkah untuk melindungi data peribadi dan berharap agar pekerja kita dapat memainkan peranan mereka untuk melindungi data peribadi pekerja dan maklumat sulit Weatherford.
- 11. Menyokong kaedah aduan ketidakpuasan dan menghormati ketelusan kita melalui keadilan organisasi.**

Menyokong semua mekanisme disediakan untuk menyuarakan kebimbangan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Pengurus kita, Bahagian Sumber Manusia, Undang-undang dan Pematuhan, Pengawas Weatherford dan sistem pelaporan perusahaan – Listen Up (www.ListenUpWFT.com). Budaya etika dan pematuhan yang menghormati hak asasi manusia tidak boleh wujud tanpa keadilan organisasi dan untuk Weatherford, ia bermakna ketelusan perusahaan melalui saluran laporan yang berkesan, penyelesaian segera terhadap kebimbangan, disiplin yang adil dan tanggungjawab yang telus, tiada tindakan balas terhadap sesiapa dan penilaian berterusan ke atas keberkesanan proses syarikat kita.
- 12. Mengenal pasti dan memantau kesan hak asasi manusia yang berpotensi bagi industri kita.**

Terikat untuk mengenal pasti dan memantau prestasi Weatherford mengenai kesan hak asasi manusia yang berpotensi dengan meningkatkan kepelbagaian organisasi kita, pemantauan kesan komuniti setempat yang disebabkan oleh prestasi kita, menilai risiko keselamatan yang berkaitan kepada syarikat kita dan melindungi alam sekitar melalui penilaian berterusan terhadap kesan alam sekitar kita.

13. Menjangkakan perkara yang sama daripada pembekal kita.

Memantau prestasi pembekal kita. Weatherford mengharapkan pematuhan sepenuhnya dengan keperluan Standard ini daripada semua pembekal pada peringkat global, seperti yang diperkasakan oleh Tatakelakuan Pembekal Weatherford.

MINTA bantuan.

[Pematuhan untuk panduan.](#)

[Listen Up untuk melaporkan kebimbangan terhadap pematuhan.](#)

Pelanggaran standard ini mempunyai akibat yang buruk dan boleh membawa kepada tindakan disiplin serta termasuk penamatan pekerjaan.